



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10/(78)

Tarikh :  
28 Julai 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 8/2016 PEMBAYARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KHAS DI BAWAH A.P 58(a)

#### 1.0 TUJUAN


Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal mengenai tindakan-tindakan yang seharusnya diambil untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan yang berkaitan dengan Permohonan Kebenaran Khas untuk bayaran dibawah A.P 58(a) supaya peruntukan tahun kewangan berikutnya tidak terjejas dengan pembayaran pertanggungan-pertanggungan yang sepatutnya telah dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lalu.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Diantara sebab-sebab yang diberikan oleh pihak Jabatan/Kementerian dalam Borang JBN. 40 mengapa A.P 100 atau A.P 103 tidak dipatuhi sehingga berlakunya kelewatan adalah seperti bil/invois/tuntutan lambat diterima dari pihak pembekal/penuntut, pembekal tidak mengemukakan bil, bil lewat dikemukakan kepada Seksyen Akaun Jabatan masing-masing untuk bayaran dan bil/invois tercicir. Didapati kesemua bil/invois yang dikemukakan bertarikh di antara bulan Januari sehingga Disember sebelum tahun kewangan semasa.
- 2.2 Terdapat juga tindakan mengubahsuai maksud perbelanjaan yang mana vot sesuatu perbelanjaan tahun lalu (bukan kerja kecemasan) diubah kepada vot "K52" di bawah A.P 54 agar ianya dapat dibayar dengan Pendahuluan Diri yang diluluskan dalam tahun kewangan semasa.

/2....

P.K. 0492 (L)



- 2.3 Selain dari itu, didapati beberapa kes di mana perubahan telah dibuat pada tarikh bil /Pesanan Kerajaan/ Pesanan Pembelian (LPO) untuk diselaraskan dengan bulan yang mana pembayaran dibenarkan dan akan mematuhi A.P103(a).
- 2.4 Jabatan Audit Negara telah seringkali membangkitkan bayaran di bawah A.P 58(a) dalam pengauditan Penyata Kewangan Negeri Sabah tahunan dan Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan tahun 2015 yang berbunyi seperti berikut: "Perbelanjaan di bawah A.P 58(a) boleh menjelaskan pelaksanaan aktiviti tahun semasa yang telah dirancang kerana peruntukan tahun semasa terpaksa digunakan untuk membayar bil/invois/tuntutan kerja/bekalan perkhidmatan yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, Kementerian/Jabatan perlu proaktif untuk membayar bil-bil dalam tahun kewangan yang terlibat bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan dan memastikan bil/invois dibayar dalam tempoh 14 hari".

### **3.0 SYARAT SYARAT PEMBAYARAN DI BAWAH A.P58(a)**

Sesuatu perbelanjaan tahun lalu hanya akan diberikan kebenaran khas untuk dibayar menggunakan peruntukan kewangan tahun semasa dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- 3.1 Baki Peruntukan untuk tahun perbelanjaan dikenakan/pertanggungan adalah mencukupi,
- 3.2 Hendaklah terdiri dari perbelanjaan mengurus sahaja,
- 3.3 Perbelanjaan/pertanggungan untuk bulan Disember sahaja pada tahun kewangan yang lepas, (*preceding year*) sesuai dengan A.P103(a) , dan
- 3.4 Tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut.

### **4.0 IMPLIKASI PERUNTUKAN TAHUNAN EKORAN DARIPADA PEMBAYARAN DI BAWAH A.P 58(a)**

- 4.1 Kelewatan dalam memproses pembayaran bagi perbelanjaan dalam tahun semasa akan mengakibatkan peruntukan yang telah diluluskan luput, dan
- 4.2 Menjejaskan peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun berikutnya .

## **5.0 LANGKAH-LANGKAH YANG SEPATUTNYA DIAMBIL BAGI MENGELOAKKAN PEMBAYARAN DIBAWAH A.P 58(a)**

- 5.1 Apabila perbelanjaan telah di komit, ianya hendaklah ditanggung sebagai liabiliti dalam SISVOT (S3P) dan hendaklah sentiasa di awasi untuk memastikan liabiliti itu dibayar dengan segera,
- 5.2 Meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera agar ianya dapat dibayar tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima [ A.P 103(a)],
- 5.3 Menyenggara suatu Daftar Bil yang menunjukkan maklumat penerimaan bil/invois dan penyediaan baucar bayaran [A.P 103(b)],
- 5.4 Kuasa untuk melakukan perbelanjaan telah diterima sebelum berbelanja [A.P 94] , dan
- 5.5 Mematuhi A.P 99, 101 dan 102 untuk mengelakkan baucar dikuiri.

## **6.0 PENGUATKUASAAN**

- 6.1 Bermula dari pengeluaran pekeliling ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah hanya akan memproses permohonan di bawah A.P 58(a) bagi **perbelanjaan mengurus yang dilakukan dalam bulan Disember tahun sebelumnya sahaja** sejurus selepas sistem pembayaran (SISVOT) tahun kewangan yang baru dapat digunakan **sehingga 31 Mac dalam Tahun Kewangan semasa sahaja** [Tarikh akhir penerimaan baucar bayaran di bawah A.P58(a)].
- 6.2 Semua bil-bil yang tertunggak sebelum bulan Disember tahun kewangan sebelumnya tidak akan dipertimbangkan oleh Jabatan ini selain dari bil-bil bulan Disember tahun kewangan lalu yang tidak dihantar pada atau sebelum 31 Mac dalam tahun kewangan semasa. Sehubungan dengan perkara ini, Jabatan/Kementerian perlu mendapatkan kebenaran khas dari Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum mengemukakan baucar A.P58(a) ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah bagi maksud proses bayaran.
- 6.3 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan dengan itu membatalkan Pekeliling JBNS:No.(A)100-4/345 Klt.7/(6) bertarikh 22 Januari 2013.

## 7.0 PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Pembayaran dan penerimaan) melalui nombor telefon 088-272883 atau Akauntan Kanan Seksyen Penyemakan Baucar melalui no. Telefon 088-272670 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**

  
~~CHI NGET NGO~~  
BENDAHARI NEGERI

s.k Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Wisma Kewangan  
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara,  
Cawangan Negeri Sabah  
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS  
88450 KOTA KINABALU

Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jln. Sembulan  
Peti Surat 128  
88592 KOTA KINABALU  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian  
Beg Berkunci 2050  
88632 KOTA KINABALU  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
90009 **SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
88576 **KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)